

Selamatkan aset, bukan individu

Pinda undang-undang supaya lebih berkesan tangani isu Cameron Highlands



Oleh Hairulazim Mahmud

azim@hmetro.com.my

Tragedi banjir lumpur dan tanah runtuh di pusat peranginan Cameron Highlands, awal bulan ini membuka mata banyak pihak, khususnya Kerajaan Pusat yang mahu tindakan tegas diambil ke atas dalang penerokaan tanah haram di kawasan itu.

Banyak pihak menyalahkan kerajaan negeri Pahang sehingga mencetuskan polemik, termasuk pucuk pimpinan negeri yang menyalahkan media berikutan siri pendedahan, sekali gus membuktikan kegagalan mereka mentadbir.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merumuskan 10 perkara hasil siasatan sejak tahun lalu membabitkan pencerobohan, salah guna kuasa dan penerokaan haram selain pembabitian pendatang asing tanpa izin (PATI) yang menjadi punca kerosakan alam di tanah tinggi itu.

Betapa seriusnya isu itu hinggan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin mengungkapkan "tiada maaf bagimu" kepada PATI yang mencero boh dan ahli politik yang melindungi pencerobohan di kawasan berkenaan.

Berikutan itu, operasi bersepadu digerakkan membabitkan beberapa agensi penguatkuasaan bagi memastikan pihak terbabit diambil tindakan tegas.

Ikuti pandangan Naib Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA), Dr Abdul Razak Abdul Rahman yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) berkaitan punca masalah itu yang berlarutan sejak sekian lama.

Secara umumnya bagaimana PEKA melihat isu dan tragedi Cameron Highlands yang seperti tiada kesudahan, semakin parah?

Isu penerokaan haram kawasan tanah tinggi itu beberapa kali kita bangkitkan untuk perhatian pihak berkuasa dan masyarakat. Baru-baru ini, Presiden PEKA, Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil dengan tegas menyatakan kebimba-

ngan kami berkaitan isu berkenaan berikutan bencana banjir yang berlaku.

Kawasan itu hakikatnya terlalu banyak pembangunan dan pembukaan tanah secara haram yang berleluasa tanpa sebarang kawalan seperti tiada pihak berkuasa yang benar-benar 'berkuasa'.

Kerajaan negeri sangat lemah sehingga menyebabkan mereka seolah-olah mengatasi undang-undang. Sepatutnya kerajaan negeri adalah pihak yang sepatutnya bertanggungjawab sepenuhnya berikutan bencana banjir lumpur dan tanah runtuh di Cameron Highlands.

Matlamat kita ialah menyelamatkan kawasan terbabit, termasuk hutan simpan kekal sementara masih berpeluang, walaupun masa sangat suntuk.

Mengapa keadaan semakin tidak terkawal, adakah undang-undang kita lemah?

Tidak terkawal kerana penguatkuasaan lemah seperti saya katakan tadi, seolah-olah tiada siapa berkuasa kecuali peneroka haram yang melata di tanah tinggi itu. Ia sangat mengecewakan kerana kita kian kehilangan Cameron Highlands, sedangkan segala undang-undang yang ada sangat lengkap dan cantik.

Tidak ada kawalan atau penguatkuasaan secara total atau yang fokus kepada masalah di situ. Agensi Kerajaan Pusat seperti Jabatan Perhutanan atau Pejabat Daerah dan Tanah seperti segan-segan untuk masuk campur kerana urusan tanah adalah di bawah kuasa kerajaan negeri sepenuhnya.

Mungkin wujud salah guna kuasa atau rasuah?

Jika keadaannya seperti sekarang, sudah pasti ada kerana peneroka haram ini bebas berbuat sesuka hati dengan membuka kawasan pertanian baru.

Bukan sekadar itu, ia tidak terkawal langsung sehingga memusnahkan ekosistem Cameron Highlands yang menjadi penyebab kepada bencana baru-baru ini.

Seperti Shariffa Sabrina tegaskan, kerajaan negeri mesti memberi kerjasama sepenuhnya dengan SPRM. Janganindungi siapa-siapa yang terbabit dengan rasuah dan salah guna kuasa untuk selesaikan masalah di situ kerana negara semakin rugi.

Siasatan mesti dilakukan secara menyeluruh daripada pegawai atasan sehingga bawahan, terma-

